



## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH**

**DR. WAN ISMAIL**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN BANTUAN METRO  
PRIHATIN**

**18 NOVEMBER 2019 | ISNIN**

**BALAI BERITA BANGSAR, KUALA LUMPUR**

## [SALUTASI]

(Akan disediakan kemudian)

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya rafakkan ke hadrat Allah S.W.T kerana kita dapat sama-sama menghadiri Majlis Pelancaran Bantuan Metro Prihatin, salah satu inisiatif di bawah Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP pada hari ini.
2. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Media Prima Berhad atas pelaksanaan inisiatif yang amat signifikan bagi **membantu kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan rentan (Vulnerable Groups)**, khususnya gelandangan.

3. Saya difahamkan inisiatif Tabung Kemanusiaan Media Prima – NSTP telah bermula sejak tahun 1991 dan dikenali sebagai sebagai *The Malay Mail Charity Fund*.

4. Harian Metro telah mengambil satu langkah ke hadapan dengan melaksanakan tabung prihatin ini kerana anda bukan hanya melaporkan, anda juga menyediakan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Tahniah dan syabas saya ucapkan.

5. Saya turut difahamkan, Tabung Kemanusiaan Media Prima - NSTP ini amat aktif di dalam penyerahan bantuan kepada

**golongan masyarakat yang memerlukan bantuan perubatan, dilanda kemiskinan dan mangsa bencana alam seperti banjir dan gempa bumi.**

6. Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa mengalu-alukan inisiatif sebegini kerana kita sedar bahawa usaha pihak Kerajaan semata-mata tidak mencukupi untuk memastikan bantuan dapat diberikan kepada setiap pihak yang memerlukan.
7. Bantuan dan kerjasama daripada pihak swasta, NGO dan khususnya masyarakat yang berkemampuan, amat diperlukan untuk sama-sama menyumbang.

8. Pihak media memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan maklumat mengenai bantuan-bantuan yang disediakan sama ada oleh pihak Kerajaan atau swasta supaya lebih ramai golongan yang layak dan memerlukan mendapat manfaat daripadanya.
  
9. Saya yakin Bantuan Metro Perihatin yang akan dilancarkan sebentar nanti telah mengambil kira pelbagai faktor penting dalam memastikan kesahihan pemohon mengikut kelayakan dan ketelusan pengurusan bagi penerimaan dan penyaluran dana yang diberikan.

10. Hal ini penting untuk meningkatkan keberkesanan (effectiveness) bantuan yang diberikan untuk meningkatkan taraf hidup, dan membantu golongan yang tidak bernasib baik selain memastikan tiada ketirisan dalam mematuhi setiap peraturan yang berkuatkuasa dalam pengurusan kewangan dana kebajikan.
  
11. Kita mahu setiap sen yang disumbangkan sampai kepada setiap penerima bantuan yang layak dan benar-benar digunakan untuk tujuan yang bermanfaat.

## ***Hadirin hadirat yang dimuliakan,***

12. Bagi menjamin kesejahteraan yang menyeluruh merentasi batas kumpulan etnik, agama, budaya, gender dan fahaman politik serta sempadan geografi, kita harus memastikan setiap individu, keluarga dan masyarakat menikmati keperluan asas seperti makanan, pendidikan, pakaian dan tempat tinggal yang secukupnya.
13. Kerajaan sentiasa prihatin dengan keluhan dan kesulitan masyarakat dalam mendepani cabaran hidup pada masa kini.
14. Komitmen dalam melaksanakan janji-janji Kerajaan sedang diusahakan bagi

meringankan beban hidup masyarakat khususnya kumpulan sasaran Kementerian, yang merangkumi golongan seperti ibu tunggal, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas, keluarga, orang papa, gelandangan dan juga mangsa-mangsa bencana.

15. Sebagai contoh, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut melaksanakan **2 Years Exit Programme (2YEP)** bermula tahun 2016 untuk meningkatkan taraf hidup penerima bantuan kebajikan supaya dapat hidup berdikari melalui pembelajaran pelbagai kemahiran kehidupan (*survival skills*) agar mereka tidak selamanya bergantung kepada bantuan Kerajaan.

**Seramai 855 orang peserta program ini telah berjaya dibimbing sehingga tidak lagi memerlukan bantuan JKM.**

16. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita turut melaksanakan inisiatif untuk menggalakkan aktiviti ekonomi informal melalui program **Pusat Cakna Bangun Ekonomi (PACBE)** yang merangkumi bengkel/kursus atau latihan pemantapan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perkhidmatan dan pembuatan produk.

Sehingga 15 Oktober 2019, **573 program telah dilaksanakan dengan penglibatan 10,332 orang majoriti peserta wanita daripada kelompok B40.**

17. Di samping itu, pihak Kementerian juga turut memberi perhatian kepada usaha-usaha memperkasakan masyarakat terpinggir seperti golongan papa dan gelandangan.
18. Bagi kelompok ini, usaha ditingkatkan dengan memberi tumpuan kepada aspek pembangunan semula jati diri golongan ini dengan memberi motivasi, kemahiran, bimbingan dan padanan pekerjaan (Job Matching) bagi membolehkan mereka berdikari dan kembali diintegrasikan semula di dalam masyarakat.
19. Usaha ini giat dilaksanakan melalui 5 buah Anjung Singgah seliaan Yayasan Kebajikan

Negara di bandar-bandar utama di seluruh negara yang menyantuni mereka yang memerlukan bantuan melalui pelbagai khidmat intervensi dan pembangunan sosial.

**20. Sejak ditubuhkan sehingga Oktober tahun ini, sejumlah 5,544 daripada 7,520 atau 73.7 peratus penghuni yang mendaftar masuk ke Anjung Singgah di seluruh negara telah berjaya dibantu melalui program padanan kerjaya.**

**21. Pihak swasta dan NGO juga boleh melaksanakan inisiatif sebegini yang menumpukan kepada usaha menyediakan khidmat advokasi dan**

## **latihan kemahiran bagi meningkatkan pendapatan.**

22. Apa yang saya ingin tekankan di sini adalah, saya ingin menyeru setiap daripada mereka yang menerima bantuan supaya sentiasa berusaha untuk mencari jalan bagi mengeluarkan diri daripada kelompok kemiskinan sama ada dengan menyertai inisiatif yang disediakan oleh pihak Kerajaan, NGO atau swasta, khususnya yang berkaitan dengan peluang pendidikan, peningkatan kemahiran diri, kemahiran keusahawanan dan lain-lain yang bersesuaian.

**23. Namun demikian, Kerajaan akan sentiasa menyediakan bantuan kepada golongan yang benar-benar memerlukan dan tidak berupaya seperti OKU terlantar, warga emas yang mempunyai masalah kesihatan dan lain-lain bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mereka sentiasa terpelihara.**

***Hadirin hadirat yang dimulihkan,***

**24. Di bawah Teras Ketiga Belanjawan iaitu MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG BERSATU, INKLUSIF DAN SAKSAMA, antaranya kita lihat subsidi dan bantuan sosial akan ditingkatkan daripada RM22.3 bilion untuk tahun 2019 kepada RM24.2**

**bilion**, termasuk bantuan Kebajikan seperti Bantuan Sara Hidup (BSH) dan subsidi yang berkaitan dengan pertanian, bahan api dan kadar faedah.

25. Kerajaan juga meneruskan peruntukan di bawah Perusahaan Sosial dan Pembangunan Komuniti yang mensasarkan golongan warga emas yang di bawah garis kemiskinan, OKU, pusat jagaan kanak-kanak, penerima program Food Bank, program pemulihan dadah dan juga gelandangan.

26. Dan yang paling menarik, khas untuk semua dermawan yang hadir pada petang ini dan bagi menggalakkan sektor swasta

menderma untuk meningkatkan tanggungjawab sosial, berkuatkuasa **5 September 2019** Kerajaan telah meningkatkan nilai ambang pelaporan derma dari **RM5 ribu kepada RM10 ribu** di bawah **subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967**.

Dan **mulai 2020**, amaun ini akan **dinaikkan kepada RM20 ribu**.

27. Marilah kita amati sebuah hadith, iaitu daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

*“Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, Allah SWT*

*akan meringankan daripadanya satu kesusahan daripada kesusahan di Hari Kiamat. Sesiapa yang memudahkan kepada orang yang kesempitan, Allah akan memudahkan kepadanya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup (aurat atau keaiban) seorang Muslim, Allah akan menutup (aurat atau keaiban) nya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa menolong seseorang hamba selama mana hamba itu menolong saudaranya.” – Riwayat Muslim (2699)*

Saya berharap hadith ini akan memberi motivasi kepada kita semua untuk membantu mereka yang memerlukan,

termasuklah dengan menderma melalui Bantuan Metro Prihatin ini.

28. Dalam masa yang sama, saya menyeru semua organisasi dan yayasan yang menerima sumbangan orang ramai, termasuk tabung yang dilancar hari ini, supaya menegakkan prinsip-prinsip akauntabiliti, ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik.

29. Ini termasuklah menyediakan laporan tahunan penerimaan dan perbelanjaan termasuk pemberian kepada kumpulan sasaran dan diletakkannya di laman sesawang masing-masing.

Bagi tabung perihatin ini, saya rasa boleh dicetak di Harian Metro setiap tiga atau enam bulan.

30. Pendekatan sebegini sudah semestinya memberi satu tahap keyakinan yang tinggi kepada penyumbang, dan menjadikan mereka mahu menyumbang secara berterusan.


***Hadirin hadirat yang dimuliakan,***

31. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian untuk

melaksanakan program Bantuan Metro Prihatin ini.

32. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada kumpulan Media Prima.
33. Saya ingin ulangi pesanan saya sebelum ini, ambillah langkah-langkah yang perlu bagi memastikan tiada ketirisan dalam Pengurusan dana yang akan diperolehi kelak.
34. Laksanakanlah pemantauan dan audit yang berterusan bagi mengelakkan sebarang masalah dikemudian hari.
35. Insyaallah, saya yakin usaha ini akan diberkati dan semoga kita semua diberi

kekuatan untuk meneruskannya sampai bila-bila.

36. Dengan lafaz , saya melancarkan Bantuan Metro Prihatin, dengan harapan dan doa agar inisiatif yang murni ini mencapai objektifnya.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.